

Headline	Subahan pertahan prestasi pemain tempatan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	179,231	Readership	537,693
Section	Arena	Page No	72
ArticleSize	215 cm²	Journalist	Naqib Nor Said
PR Value	RM 25,409		




Subahan pertahan prestasi pemain tempatan

Naqib Nor Said
naqib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Presiden Konfederasi Hoki Malaysia (MHC), Datuk Seri Subahan Kamal mempertahankan prestasi pemain tempatan pada saingan Liga Hoki Malaysia musim ini apabila menyifatkan prestasi mereka sebagai cukup bagus.

Dakwaan itu timbul selepas mengambil kira senarai penjaring terbanyak liga yang dikuasai empat pemain import diketuai bintang Pasukan Hoki Terengganu, Gonzalo Peillat, namun bagi Subahan ia bukan ukuran sebenar prestasi keseluruhan pemain.

Malah, telahan Subahan itu ada benarnya jika mengambil kira kejayaan pasukan yang ditaris 100 peratus pemain tempatan, Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang berjaya merakam kejutan ke atas pasukan lain yang diperkuatkan import bertaraf dunia.



PEILLAT (kanan) muncul penjaring terbanyak liga.

“Pertama sekali saya amat gembira apabila tahun ini kami berjaya membuktikan MHL sebagai antara liga terbaik dunia apabila kami dapat menarik pemain import ternama selain faktor Liga India yang sudah tiada.

“Buktinya apabila penjaga gol terbaik dunia dari Ireland, David Harte dan pakar pukulan sudut penalti terbaik dunia (Peillat) memilih beraksi dalam liga kita musim ini.

“Pada aksi final Sabtu lalu, anda dapat lihat mutu permainan cukup tinggi dipamerkan (UniKL dan KLHC) dan paling menarik apabila dapat melihat pemain muda kita mampu menyaangi pemain hebat dunia.

“Bagi saya ini satu permulaan cukup bagus untuk arena hoki tanah air dan saya turut gembira dengan peningkatan jumlah kehadiran penyokong musim ini,” katanya semalam.